

**SOALAN LAZIM (FAQ) PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2018
KEMUDAHAN CUTI KEAGAMAAN**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah agama-agama dan tempat-tempat keagamaan yang dibenarkan untuk pegawai diberi kemudahan Cuti Keagamaan?	<p>Antara agama dan tempat keagamaan yang dibenarkan untuk kemudahan ini adalah seperti di Lampiran A. Walau bagaimanapun Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan lain-lain tempat keagamaan selain daripada yang disenaraikan.</p> <p>Untuk tujuan tersebut, Ketua Jabatan boleh merujuk kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain Jabatan Ketua Menteri Sarawak (bagi agama kaum-kaum di Sarawak) untuk khidmat nasihat.</p>
2.	Bolehkah pegawai yang telah menggunakan kemudahan Cuti Keagamaan dan kemudiannya menganut agama Islam menggunakan kemudahan Cuti Umrah?	Boleh. Ini kerana ia merupakan dua kemudahan cuti yang berbeza.
3.	Apakah dokumen perjalanan perlu dikemukakan oleh pegawai untuk Ketua Jabatan meluluskan permohonan Cuti Keagamaan?	Pegawai boleh diminta untuk mengemukakan dokumen perjalanan seperti tiket penerbangan dan visa (jika perlu) untuk Ketua Jabatan mempertimbangkan kemudahan ini bagi tujuan mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di luar negara.
4.	Adakah guru yang berhasrat untuk melaksanakan aktiviti keagamaan dalam tempoh cuti penggal dikehendaki menggunakan kemudahan Cuti Keagamaan ini?	Cuti Keagamaan adalah diberi berdasarkan permohonan. Oleh itu, tiada halangan jika guru berhasrat untuk tidak menggunakan kemudahan Cuti Keagamaan yang jatuh dalam tempoh cuti penggal.
5.	Bagi guru adakah perkiraan tujuh (7) hari cuti keagamaan ini termasuk cuti peristiwa?	Tidak. Sekiranya tarikh penerbangan/perjalanan bermula pada cuti peristiwa, maka perkiraan tujuh (7) hari akan bermula pada hari bekerja berikutnya.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Bolehkah Cuti Keagamaan ini digunakan sebagai tambahan kepada cuti umum perayaan seperti Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas.	Tidak. Cuti Keagamaan tidak boleh digunakan untuk tujuan sambutan perayaan sebaliknya hanya bagi tujuan mengunjungi tempat keagamaan dan melaksanakan aktiviti keagamaan.

Kemaskini: 13 November 2018